

# Cipta aplikasi kesan trak syarikat logistik

PEMILIK Sypher Labs Pte Ltd, Encik Muhd Shamir Abdul Rahim, rasa terdorong apabila pemerintah kali pertama mengumumkan rancangan ingin menjadikan Singapura Negara Bijak.


Pelbagai idea tercetus di fikiran bagi merebut peluang perniagaan yang bakal timbul hasil pelaksanaan visi itu.

Beliau kini membangunkan aplikasi mengoptimumkan perjalanan trak dalam industri logistik.

Aplikasi itu melengkapi perniagaan VersaFleet – sistem operasi logistik menggunakan teknologi ‘cloud’ yang boleh membantu syarikat menguruskan trak secara lebih berkesan supaya dapat menjmatakan kos serta meningkatkan daya penghasilan.

“Saya menemui wakil Pejabat Program Negara Bijak (SNPO) yang membentangkan hala tuju dan mengongsi tumpuan mereka. Ia menarik perhatian saya agar merebut peluang perniagaan yang tersedia, terutama dalam industri pengangkutan,” kata Encik Shamir, 32 tahun, semasa dihubungi.

Dengan menghubungkan komputer dalam trak dengan alat sistem kedudukan sejagat (GPS), pekerja yang duduk di pejabat dapat mengetahui dengan tepat kedudukan trak logistik itu, di mana ia



**TARIK MODAL:** Encik Muhd Shamir (*kanan*) berpeluang mengembangkan pasukan dan perniagaan selepas menerima suntikan modal daripada inkubator dan bersedia memenuhi keperluan lebih banyak firma. – Foto fail

berhenti, laluan yang diambil dan berapa jauh trak itu bergerak.

Justeru, syarikat mampu memaksimumkan penggunaan trak mereka, ujar Encik Shamir.

Sypher Lab, yang bermula di Pusat Inkubator Universiti Nasional Singapura (NUS), baru-baru ini menarik dana modal sebanyak \$589,000 daripada syarikat

inkubator setempat, Get2Volume Pte Ltd, bagi memperluas niaganya di rantau Asia Tenggara.

Sebelum ini, Encik Shamir menerima geran \$50,000 di bawah Skim ACE Start-Ups oleh Masyarakat Bertindak Bagi Keusahawanan (ACE), yang disokong Spring Singapore dan International Enterprise (IE).